



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Perpustakaan UTM

BUKU PANDUAN PERPUSTAKAAN

**SESI AKADEMIK
2017/ 2018**

Information Excellence

**BUKU PANDUAN
PERPUSTAKAAN UTM**

Editorial

Penasihat

Dr. Hjh. Kamariah Nor Mohd
Desa

Ketua Editor

Noraziah Sharuddin
Zaleha Atan

Editor

Siti Nisrin Binti Mohd Anis

Sidang Pengarang

Nor Asikin Mohamed
Nik Masriza Zakaria
Badariah Borham
Noraini Yahya
Haslina Othman
Kamariah Mohamed Jong
Mohd Nasir Ibrahim
Haslina Nasir
Zafarina Dol
Khairul Bahiyah Yaakub
Hamidah Mat Ariff
Yusrul Hisham Mohd Yusof
Marlina Kasiman
Syarifah Ezathul Imma Syed
Zainal Abidin

Jurufoto

Wan Jamal Mohd Ariff

Grafik

Mohd. Azmi Jufri

Edaran

Khalid Yusoff
Sapura Mahadi
Faizal Fadzil
Faridah Patoni



Tel: 07-5530174



Emel: nisrin@utm.my



Portal: library.utm.my

Copyright © 2017

Kandungan:

Kata Aluan Ketua Pustakawan	1
Sekilas Pandang Perpustakaan UTM	2
•Visi, Misi, Moto & Objektif Perpustakaan	4
Perpustakaan UTM	5
•Carta Organisasi	6
Waktu Perpustakaan	7
•Waktu Peminjaman dan Pemulangan Bahan di Kaunter	11
Peraturan Perpustakaan	14
Keahlian	18
•Yuran Keahlian & Waktu Penggunaan Perpustakaan	21
•Pendaftaran	24
Koleksi & Lokasi Bahan	25
Sistem Pengkelasan	31
Simbol Koleksi	32
Perkhidmatan	33
•Kelayakan Pinjaman	34
•Dendaan Lewat Memulangkan Bahan	38
•Gantian Bahan Hilang/Rosak	39
•Notis Peringatan Bahan Lewat	40
•Pembaharuan	40
•Tempahan	40
•Perkhidmatan kepada Ahli Biasa	41
Langganan Pangkalan Data Atas Talian	46
Buku Elektronik	47
Jurnal Elektronik	48
Jurnal/Majalah Bercetak	49
Jurnal Elektronik Akses Terbuka UTM	50
Kemudahan & Perkhidmatan Elektronik	51
Kemudahan Ruang	53
Direktori Pengurusan Perpustakaan	56
Maklumat Am Perpustakaan	66
Prosedur Kecemasan	70

Kata Aduan



**KETUA PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN UTM**

DR. HJH. KAMARIAH BINTI NOR MOHD DESA



Perpustakaan UTM terus komited dalam merealisasikan aspirasi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam terus mencipta kecemerlangan dan memartabatkan UTM di tahap yang lebih tinggi. Justeru itu, pemantapan kualiti sistem penyampaian maklumat sentiasa menjadi fokus kepada Perpustakaan UTM dalam memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan. Perpustakaan sentiasa memperkemas mutu perkhidmatan kepada pelanggan dengan menyediakan maklumat terkini yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan UTM agar mampu berdaya saing dalam arus global yang semakin kompetitif.

Pembangunan dan perkembangan koleksi Perpustakaan UTM semakin utuh dan mampan sejajar dengan usaha Perpustakaan untuk menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains dan teknologi. Sehingga kini, koleksi Perpustakaan telah melebihi empat juta bahan dalam pelbagai format merangkumi monograf, serial, media elektronik, audio visual, kartografi, pangkalan data dan lain-lain.

Perpustakaan UTM bukan sahaja memberi perkhidmatan berasaskan maklumat kepada pelanggan, malah menggalas tanggungjawab dalam memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam dan luar UTM.

Akhir kata, Perpustakaan UTM berharap untuk menjadi pemangkin ke arah minda kelas pertama dan seterusnya melahirkan lebih ramai ilmuan yang dapat menyumbang kepada transformasi pembangunan negara.

Sekian. Wassalam.



Sekilas Pandang

PERPUSTAKAAN UTM

Perpustakaan UTM terletak di tengah-tengah kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru dan mempunyai beberapa cawangan termasuklah Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Menara Razak UTM Kuala Lumpur, Perpustakaan Malaysia-Japan International Institute of Technology UTM Kuala Lumpur, Institut Pembangunan Bioproduct (IBD Johor Bahru), Perpustakaan Hub Pendidikan Tinggi UTM Pagoh dan 11 buah Perpustakaan Fakulti.

Perpustakaan merupakan antara komponen utama dalam menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UTM. Pembangunan koleksi perpustakaan serta perkhidmatannya adalah bagi memenuhi keperluan maklumat sains dan teknologi yang menjadi teras UTM. Seajar dengan ini perpustakaan mempunyai kekuatan koleksi dalam kedua bidang tersebut. Walau bagaimanapun, Perpustakaan juga kini sedang dalam proses membangunkan koleksi dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan bagi menyokong beberapa fakulti dan kursus baru yang diperkenalkan dalam bidang berkaitan.

Proses mengautomasikan Perpustakaan telah bermula semenjak tahun 1986 lagi dan hingga kini hampir keseluruhan sistem perpustakaan berfungsi menggunakan sistem komputer. Kesemua proses perolehan bahan, pengindeksan, sirkulasi dan pencarian maklumat dilakukan melalui Sistem Berkomputer Perpustakaan yang dikenali sebagai LESTARI. Maklumat yang terdapat di Perpustakaan boleh diakses melalui katalog atas talian (LESTARI) ataupun melalui jaringan yang boleh dicapai di sekitar kampus mahupun dari luar kampus. Selain perkhidmatan kepada masyarakat UTM, Perpustakaan juga turut memberi perkhidmatan khusus untuk

sektor industri atau korporat. Perkhidmatan berasaskan bayaran ini adalah bagi memberi peluang sektor tersebut turut mengguna koleksi dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan bagi membantu proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) di sektor masing-masing.

Selain daripada pencarian maklumat bahan bercetak, kemudahan pencarian maklumat elektronik melalui pangkalan data atas talian juga merupakan antara perkhidmatan yang diberi kepada pengguna kedua-dua kampus. Kini dengan perkembangan teknologi Internet, Perpustakaan turut menyediakan kemudahan tersebut melalui sejumlah komputer peribadi yang diletakkan di ruang rujukan perpustakaan. Perpustakaan juga menyediakan kemudahan multimedia kepada semua pengguna dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran di UTM.

Dengan tenaga profesional yang terdapat di Perpustakaan, pengguna perpustakaan diberi bimbingan bagi memahirkan diri dalam penggunaan Sistem Berkomputer Perpustakaan (LESTARI) serta bahan elektronik yang lain bagi membolehkan mereka memanfaatkan koleksi dan perkhidmatan yang disediakan sepenuhnya.

Kecekapan perkhidmatan Perpustakaan diakui apabila Perpustakaan telah mendapat penganugerahan Kualiti MS ISO 9002 oleh SIRIM pada Mei 1998 yang mengesahkan Perpustakaan ini mematuhi sistem dan proses ke arah perkhidmatan yang berkualiti. Pada tahun 2010, Perpustakaan telah mendapat taraf pensijilan MS ISO 9001:2000 ke MS ISO 9001:2008. Lebih manis, pada tahun 2016, Perpustakaan telah menerima penarafan pensijilan MS ISO 9001:2015.



VISI

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains dan teknologi.

MISI

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains dan teknologi.

MOTO

Kecemerlangan Informasi

OBJEKTIF PERPUSTAKAAN

1. Memberi perkhidmatan berasaskan maklumat kepada pelanggan.
2. Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan UTM.
3. Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam dan luar UTM.
4. Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam dan luar UTM.


PERPUSTAKAAN UTM

<p>Perpustakaan UTM (Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah) Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Johor Darul Takzim Tel : 07-5530188 Fax : 07-5572555 Website : www.library.utm.my Email : lib-enquiryjb@utm.my</p>	<p>Perpustakaan UTM (Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur) Jalan Sultan Yahya Petra 54100 Kuala Lumpur Tel. : 03-26154301 Fax : 03-26922186 Website : www.library.utm.my Email : lib-enquirykl@utm.my</p>
<p>Perpustakaan UTM (Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah) Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Johor Darul Takzim Tel : 07-5610302 Fax : 07-5572555 Website : www.library.utm.my Email : lib-enquiryjb@utm.my</p>	<p>Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Johor Darul Takzim Tel : 07-5530188 Fax : 07-5572555 Website : www.library.utm.my Email : lib-enquiryjb@utm.my</p>
<p>Perpustakaan Menara Razak UTM Kuala Lumpur Jalan Sultan Yahya Petra 54100 Kuala Lumpur Tel. : 03-21805756 Fax : 03-26922186 Website : www.library.utm.my Email : lib-enquirykl@utm.my</p>	<p>Perpustakaan Malaysia-Japan International Institute of Technology Aras 1, UTM Kuala Lumpur Jalan Sultan Yahya Petra 54100 Kuala Lumpur Tel. : 03-22031510 Fax : 03-22031266 Website : www.library.utm.my Email : lib-enquirykl@utm.my</p>
<p>Perpustakaan Hub Pendidikan Tinggi UTM Pagoh Universiti Teknologi Malaysia 84600 Pagoh, Johor No. Tel (Sirkulasi): 06-9742842 No. Tel (Pustakawan): 06-9742834</p>	

Organizational Chart UTM Library 2017

CHIEF LIBRARIAN

12 Division
42 Unit



Update:
13 February 2017

WAKTU PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru

Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum & Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Ahad-Khamis	8.00 pagi - 10.30 malam		
Jumaat & Sabtu	8.00 pagi- 5.00 petang	8.00 pagi - 10.00 malam	8.00 pagi - 5.00 petang
Kelepasan Am	Tutup	8.00 pagi - 10.00 malam	Tutup

Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur

Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum & Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Isnin- Jumaat	8.00 pagi - 10.15 malam	8.00 pagi -10.15 malam	8.00 pagi -10.15 malam
Sabtu & Ahad	8.00 pagi - 10.15 malam	8.00 pagi -10.15 malam	8.00 pagi -10.15 malam
Kelepasan Am	Tutup	8.00 pagi -10.15 malam	Tutup
Cuti Gantian Kelepasan Am*	8.00 pagi - 5.00 petang	8.00 pagi -10.15 malam	8.00 pagi - 5.00 petang

*Cuti Gantian Kelepasan Am – Jika hari Kelepasan Am jatuh pada hari Ahad, Cuti Gantian Kelepasan Am adalah hari Isnin.

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah UTM Johor Bahru

Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum & Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Ahad-Khamis	8.00 pagi – 8.00 malam	8.00 pagi – 8.00 malam	8.00 pagi – 8.00 malam
Jumaat - Sabtu	8.00 pagi – 5.00 petang	8.00 pagi – 8.00 malam	8.00 pagi – 5.00 petang
Kelepasan Am	Tutup	8.00 pagi – 8.00 malam	Tutup

Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) UTM Johor Bahru

Hari	Pagi	Rehat	Petang
Ahad-Rabu	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 3.30 petang
Jumaat, Sabtu & Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

Perpustakaan Fakulti UTM Johor Bahru

Hari	Pagi	Rehat	Petang
Ahad-Rabu	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 3.30 petang
Jumaat, Sabtu & Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

Perpustakaan Menara Razak UTM Kuala Lumpur

Hari	Pagi	Rehat	Petang
Isnin-Khamis	8.00 pagi – 5.00 petang		
Jumaat	8.00 pagi – 12.15 tengahari	12.15 tengahari – 2.45 petang	2.45 petang – 5.00 petang
Sabtu	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
Ahad & Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

**Perpustakaan Malaysia-Japan International Institute
of Technology (MJIIT) UTM Kuala Lumpur**

Hari	Waktu Pagi	Rehat	Waktu Petang
Isnin-Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 12.15 tengahari	12.15 tengahari – 2.45 petang	2.45 petang – 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

Perpustakaan Hub Pendidikan Tinggi UTM Pagoh

Hari	Waktu Pagi	Rehat	Waktu Petang
Isnin-Rabu	8.00 pagi – 5.00 petang		
Khamis	8.00 pagi - 3.30 petang		
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

WAKTU PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN BAHAN DI KAUNTER

Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru

Jenis	Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum Dan Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Layanan Terbuka, Layanan Terhad, Majalah Jilid, Bahan Pandang Dengar	Ahad - Khamis	8.00 pagi – 9.45 malam		
	Jumaat Sabtu	8.00 pagi - 4.30 petang	8.00 pagi – 9.45 malam	8.00 pagi - 4.30 petang
	Kelepasan Am	TUTUP		TUTUP
Peminjaman Semalaman: Bahan Pandang Dengar, Majalah Kini, Buku Rujukan	Ahad - Khamis	8.30 malam – 9.45 malam		
	Jumaat Sabtu	3.30 petang – 4.30 petang	8.30 malam – 9.45 malam	3.30 petang – 4.30 petang
	Kelepasan Am	TUTUP		TUTUP

Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur

Jenis	Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum Dan Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Layanan Terbuka, Layanan Terhad, Majalah, Bahan Pandang Dengar	Isnin-Jumaat	8.00 pagi - 10.00 malam	8.00 pagi - 10.00 malam	8.00 pagi - 10.00 malam
	Kelepasan Am	TUTUP	8.00 pagi - 10.00 malam	TUTUP
Peminjaman Semalaman, Layanan Terhad, Bahan Pandang Dengar, Majalah Kini, Buku Rujukan	Isnin-Ahad	8.00 pagi - 10.00 malam	8.00 pagi - 10.00 malam	8.00 pagi - 10.00 malam
	Kelepasan Am	Tutup	8.00 pagi - 10.00 malam	Tutup

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah UTM Johor Bahru

Jenis	Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum Dan Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Layanan Terbuka	Ahad - Khamis	8.00 pagi - 7.45 malam	8.00 pagi - 7.45 malam	8.00 pagi - 7.45 malam
	Jumaat Sabtu	8.00 pagi - 4.45 petang	8.00 pagi - 7.45 malam	8.00 pagi - 4.45 petang
	Kelepasan Am	TUTUP	8.00 pagi - 7.45 malam	TUTUP
Tesis	Ahad - Khamis	8.00 pagi - 4.45 petang	8.00 pagi - 7.45 malam	8.00 pagi - 7.45 malam
	Jumaat Sabtu	8.00 pagi - 4.45 malam	8.00 pagi - 7.45 malam	8.00 pagi - 4.45 petang
	Kelepasan Am	TUTUP	8.00 pagi - 7.45 malam	TUTUP

LOCENG MAKLUMAN

Loceng makluman penutupan perpustakaan.

1. Loceng pertama akan dibunyikan 30 minit sebelum waktu penutupan perpustakaan.
2. Loceng kedua akan dibunyikan 15 minit sebelum waktu penutupan perpustakaan.
3. Loceng akhir akan dibunyikan 5 minit sebelum waktu penutupan perpustakaan.
Pengguna dengan ini diminta bersedia untuk meninggalkan perpustakaan.

Perpustakaan Hub Pendidikan Tinggi UTM Pagoh

Jenis	Hari	Semasa Semester	2 Minggu Sebelum Dan Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Bahan atas talian	Ahad - Rabu	8.00 pagi -5.00 petang		
	Khamis	8.00 pagi – 3.30 petang		
	Kelepasan Am	TUTUP		

PERATURAN PERPUSTAKAAN

1. Ahli biasa mestilah sentiasa memakai kad Matrik UTM manakala keahlian Luar hendaklah sentiasa memakai Kad Keahlian Perpustakaan apabila memasuki dan berada di Perpustakaan.
2. Kad matrik UTM dan kad keahlian luar perpustakaan tidak boleh dipinjamkan kepada orang lain.
3. Kehilangan Kad Matrik UTM dan kad keahlian luar perpustakaan hendaklah dilaporkan segera ke Perpustakaan. Jika kehilangan kad tidak dilaporkan, pengguna adalah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya pengguna lain menggunakan kad tersebut untuk meminjam buku.
4. Semua bahan yang dibawa keluar dari Perpustakaan mestilah dipinjam secara sah melalui proses pinjaman di kaunter atau di mesin Sistem Peminjaman Layan Diri.
5. Pengguna mestilah patuh kepada peraturan SENYAP di ruang yang ditetapkan di Perpustakaan.
6. Pengguna mestilah membenarkan pegawai bertugas memeriksa beg, buku, fail dan lain-lain barang yang dibawa keluar dari Perpustakaan.
7. Makan, minum (selain air kosong) dan merokok adalah dilarang di Perpustakaan. Minuman air kosong (plain water) di dalam botol yang bertutup sahaja dibenarkan dibawa masuk ke dalam Perpustakaan.
8. Beg dibenarkan dibawa masuk ke dalam Perpustakaan. Barang-barang seperti topi keledar, payung dan baju hujan tidak dibenarkan dibawa ke dalam Perpustakaan. Pengguna hendaklah meletakkannya di luar dan keselamatan bahan adalah di bawah tanggungjawab masing-masing.
9. Pengguna Perpustakaan yang membuat salinan fotokopi atau memuat turun bahan dari kemudahan komputer yang disediakan oleh Perpustakaan UTM adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa perkara yang bersabit dan bertentangan dengan AKTA HAKCIPTA
10. Tempahan tempat duduk tidak dibenarkan. Pengguna lain boleh mengambil tempat duduk yang dikosongkan lebih daripada 20 minit.
11. Peralatan dan perabot tidak dibenarkan dialih daripada tempat yang ditetapkan.
12. Pengguna mestilah berpakaian kemas mengikut tatacara berpakaian seperti yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Pihak Perpustakaan berhak tidak membenarkan pengguna yang gagal mematuhi tatacara berpakaian yang sepatutnya masuk ke dalam bangunan Perpustakaan atau meminta pengguna untuk meninggalkan Perpustakaan.

13. Pihak Perpustakaan berhak meminta pengguna yang dianggap berkelakuan mengganggu ketenteraman Perpustakaan supaya keluar dari bangunan.
14. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke ruang bacaan di semua aras kecuali lobi dan foyer perpustakaan.
15. Semua jenis permainan tidak dibenarkan di ruang am perpustakaan kecuali permainan (*board games*) yang disediakan di perpustakaan.
16. Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk apa sahaja jenis haiwan ke dalam perpustakaan.
17. Staf UTM yang akan bercuti belajar atau sabatikal di luar negara mestilah memulangkan semua bahan perpustakaan yang dipinjam sebelum mula bercuti.
18. Pelajar yang menanggung pengajian, menarik diri, diberhentikan atau tamat belajar dikehendaki memulangkan semua bahan yang dipinjam.
19. Pelajar tahun akhir yang tidak menjelaskan dendaan/memulangkan bahan yang dipinjam sebelum tamat pengajian, akan ditahan transkrip peperiksaan.
20. Penggunaan telefon bimbit hendaklah dalam mod senyap semasa berada di dalam perpustakaan dan percakapan dibenarkan di zon yang ditetapkan semasa berada di Perpustakaan.
21. Kunci bagi pinjaman bilik Perpustakaan tidak dibenarkan dibawa keluar dari perpustakaan. Denda sebanyak RM15.00 akan dikenakan bagi kehilangan/kerosakan mana-mana kunci bilik Perpustakaan.
22. Pengguna tidak dibenarkan meninggalkan barang peribadi tanpa pengawasan. Perpustakaan tidak bertanggungjawab jika berlaku sebarang kehilangan, kerosakan dan kecurian barang di Perpustakaan.
23. Pihak Perpustakaan tidak membenarkan permohonan untuk pengambilan barang peribadi yang ditinggalkan di dalam Perpustakaan selepas waktu Perpustakaan ditutup.
24. Pelanggaran peraturan-peraturan boleh mengakibatkan pengguna dikenakan tindakan seperti di bawah :-
 - i. Tidak dibenarkan masuk dan menggunakan kemudahan Perpustakaan
 - ii. Digantung kelayakan pinjaman
 - iii. Ditahan transkrip peperiksaan
 - iv. Dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib UTM
 - v. Didenda mengikut kadar ditetapkan
25. Pengguna hendaklah mengamalkan sikap hormat-menghormati serta bersopan sesama pengguna dan staf perpustakaan. Sebarang pelanggaran peraturan atau perlakuan yang disifatkan mengganggu ketenteraman akan dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab (Bahagian Keselamatan UTM atau pihak lain yang berkenaan).
26. Staf Perpustakaan UTM adalah diberi kuasa dan bertanggungjawab dalam memastikan peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan dan dipatuhi.

27. Pihak Perpustakaan berhak meminda Peraturan Perpustakaan dari masa ke semasa.

28. Berkuatkuasa mulai 1 Februari 2000, Perwakilan kuasa di bawah Seksyen 16B, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menetapkan kesalahan dalam bidang kuasa mengenakan tindakan tatatertib tertentu diperturunkan kepada Ketua Pustakawan serta tindakan tatatertib terhadap pelajar Universiti adalah seperti di bawah:

Bil.	Jenis Kesalahan	Tindakan Tata Tertib
1	Tidak memakai kad matrik/kad pengenalan UTM/kad keahlian perpustakaan yang sah.	Amaran Dendaan RM25.00
2	Meminjam atau meminjamkan kad matrik.	Amaran Dendaan RM25.00
3	Membuat bising dan mengganggu ketenteraman pengguna lain.	Amaran Dendaan RM5.00 Alat yang digunakan boleh dirampas
4	Membuang sampah	Amaran Dendaan RM5.00
5	Menyalahguna perkhidmatan Internet (Pek. Perkhidmatan Bil. 29. 1995)	Amaran Dendaan RM5.00
6	Bercakap melalui telefon bimbit di dalam perpustakaan (selain daripada zon yang ditetapkan)	Amaran dan diminta keluar dari perpustakaan Dendaan RM5.00

KEAHLIAN



AHLI BIASA

1. Semua pelajar sepenuh/separuh masa UTM yang berdaftar.
2. Staf Akademik UTM (termasuk Pensyarah Kontrak, Sementara dan Sambilan)
3. Staf Am UTM (termasuk staf Kontrak, Sementara dan Sambilan)
4. Ahli Kehormat UTM (Menteri, Canselor, Pro Canselor, Mantan Ketua Pustakawan, Ijazah Kehormat dan lain-lain pengiktirafan oleh UTM).

AHLI PESERTA KURSUS DI BAWAH FAKULTI/JABATAN UTM

1. Program Usahasama UTM dengan Jabatan Kerajaan atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
2. Kursus bukan dianugerahkan oleh UTM
3. Kursus Usahasama UTM dan Jabatan Kerajaan
4. Kursus yang dijalankan oleh Pusat Inovasi dan Komersialisasi (ICC) Universiti Teknologi Malaysia.
5. Kursus Anjuran Fakulti
6. Pegawai yang menjalani program peningkatan profesionalisma

AHLI KELUARGA UTM

Keahlian kategori ini adalah berasaskan daripada Kertas Kerja Dasar Keahlian Pegawai Kanan Bil. 1/03/04, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan.

Ahli Keluarga UTM terbuka kepada:-

1. Suami/isteri/anak staf UTM yang sedang berkhidmat (anak staf yang berada di Tingkatan 3 dan ke atas serta tidak melebihi 25 tahun sahaja yang dibenarkan menjadi ahli).
2. Pegawai Kanan UTM, staf akademik dan am yang telah bersara dari UTM

AHLI KORPORAT

1. Ahli Korporat terbuka kepada sektor industri dan swasta.
2. Organisasi yang ingin menjadi ahli Korporat dikehendaki mengisi Borang Keahlian Korporat yang disediakan.
3. Setiap organisasi yang berdaftar untuk menjadi ahli Korporat dikenakan bayaran iaitu :-
 - i. RM300.00 - yuran tahunan
 - ii. RM10.00 - pendaftaran

Setiap organisasi boleh melantik 1 - 2 orang untuk menjadi ahli perpustakaan.

4. Yuran pembaharuan keahlian korporat seterusnya ialah RM300.00.
5. Pindahmilik keahlian dikenakan bayaran RM50.00.
6. Kelayakan Ahli Korporat untuk meminjam adalah sebanyak 2 buah buku untuk tempoh 2 minggu setiap pinjaman.
7. Setiap keluaran penerbitan berikut diedarkan kepada ahli Korporat :-
 - i. Buku Panduan Perpustakaan
 - ii. Buletin Perpustakaan

KEAHLIAN INSTITUTE OF ENGINEERS MALAYSIA (IEM)



1. Pengguna dari IEM boleh menjadi Ahli Luar Perpustakaan UTM
2. Keluaran bagi penerbitan berikut akan diedarkan kepada ahli IEM
 - i. Buku Panduan Perpustakaan keluaran terkini
 - ii. Buletin Perpustakaan
3. Yuran keahlian adalah sebanyak RM200 setahun.
4. Nama ahli IEM akan dimaklumkan kepada Pustakawan Unit Promosi dan Alumni bagi tujuan penghantaran bahan-bahan penerbitan.

AHLI LUAR

Keahlian Luar terbahagi kepada dua kategori:-

1. Ahli Merujuk - individu yang dibenarkan membuat rujukan sahaja.
2. Ahli Meminjam - individu yang dibenarkan membuat rujukan dan pinjaman bahan.

Keahlian Luar terbuka kepada:-

1. Staf Kerajaan dan Badan Berkanun, Pensyarah Universiti Tempatan, staf dari pihak swasta dan orang awam
2. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Tajaan Kerajaan dan Institusi Pengajian Swasta
3. Alumni Universiti Teknologi Malaysia
4. Ahli Korporat
5. IEM (Institute of Engineers Malaysia)
6. Pegawai Luar Menjalankan Peningkatan profesional di UTM (dari dalam dan luar negara),
7. Pelajar Sekolah Kerajaan dan bantuan kerajaan, Tingkatan 3 ke atas yang membawa surat pengesahan daripada Guru Besar (Kampus UTMJB sahaja)

YURAN KEAHLIAN & WAKTU PENGUNAAN PERPUSTAKAAN

Kategori Pengguna	Yuran Tahunan	Waktu Penggunaan
Ahli Merujuk		
Staf Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun, Pensyarah Universiti Tempatan.	(RM10.00 - Pendaftaran) RM50.00 - Yuran Tahunan	Waktu Perpustakaan
Ahli Luar Merujuk		
Pegawai swasta, pelajar Institusi Pengajian Tinggi tajaan Kerajaan	(RM10.00 Pendaftaran) RM150.00 - Yuran Tahunan	Waktu Perpustakaan
Alumni UTM (Bukan Pemastautin Malaysia - perlu berdaftar dengan ALUMNI UTM sebelum diterima mendaftar dengan Perpustakaan UTM)	RM10.00 (bayaran sekali sahaja)	Waktu Perpustakaan
Murid Sekolah (Kerajaan dan Bantuan Kerajaan) (kampus UTMJB sahaja)	Pendaftaran Percuma RM10.00 - Yuran Tahunan	Waktu Perpustakaan

Kategori Pengguna	Yuran Tahunan	Waktu Penggunaan
Ahli Meminjam		
Ahli Luar merujuk dan meminjam	(RM10.00 - Pendaftaran) RM300.00 (untuk pinjaman 2 buah buku setiap pinjaman dan wang tidak dikembalikan) RM300.00 - Pembaharuan Tahunan	Waktu Perpustakaan
Ahli IEM	(RM10.00 – Pendaftaran) RM 200.00 – Yuran Tahunan	Waktu Perpustakaan
Alumni UTM (Pemastautin Malaysia - Perlu berdaftar dengan ALUMNI UTM sebelum diterima mendaftar dengan Perpustakaan UTM)	RM10.00 (bayaran sekali sahaja)	Waktu Perpustakaan
Ahli Keluarga UTM		
Suami, isteri dan anak staf	RM10.00 (Bayaran sekali sahaja)	Waktu Perpustakaan
Staf akademik dan Staf Am telah bersara	RM10.00 (Bayaran sekali sahaja)	Waktu Perpustakaan
Pegawai Kanan UTM (Bersara)	(Percuma seumur hidup)	Waktu Perpustakaan

Kategori Pengguna	Yuran Tahunan	Waktu Penggunaan
Pegawai Menjalankan Peningkatan Profesional di UTM (Dari Dalam dan Luar Negara)	RM120/1-6 bulan atau Sebahagian daripadanya <i>atau</i> RM200/1-12 bulan atau sebahagian daripadanya	Waktu Perpustakaan
Ahli Korporat	(RM10.00 – Pendaftaran) RM300.00 – Yuran Tahunan (1 - 2 ahli) <i>Pindahmilik Keahlian - RM50.00</i> Diberi akses kepada pangkalan data Perpustakaan <u>Tambahan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • RM300.00 – untuk pinjaman 2 buah buku • RM600.00 – untuk pinjaman 4 buah buku • RM900.00 – untuk pinjaman 6 buah buku 	Waktu Perpustakaan

PENDAFTARAN

PELAJAR DAN STAF

Setiap pelajar sepenuh masa/ separuh masa dan staf UTM (termasuk staf sementara dan sambilan) diperuntukkan kad matrik UTM apabila mereka mendaftar sebagai pelajar/staf UTM.

AHLI LUAR

Pengguna perlu mendaftar dengan Perpustakaan (Unit Sirkulasi dan Reading Station) sekiranya hendak menggunakan kemudahan Perpustakaan. Mereka dikehendaki membawa sekeping gambar berukuran paspot (kecuali keahlian Alumni UTM dikehendaki membawa dua (2) keping gambar) atau ke Perpustakaan UTM (Bangunan PSZ UTMJB dan PSZ UTMKL) untuk proses pengambilan gambar. Kad keahlian akan dikeluarkan oleh pihak Perpustakaan UTM.

Keahlian mesti diperbaharui setiap tahun kecuali Ahli Alumni dan Ahli Keluarga UTM.

WAKTU PENDAFTARAN

1. Waktu pendaftaran ialah 8.00 pagi – 5.00 petang.
2. Alumni UTM yang ingin menjadi Ahli Luar Merujuk/Meminjam perlu mendaftar di Pejabat Alumni sebelum keahlian perpustakaan diterima.

PEMBAHARUAN KAD KEAHLIAN

Kad Keahlian Pinjaman dan Rujukan mestilah diperbaharui sebelum atau pada tarikh tamat tempoh setiap tahun.

KEHILANGAN / GANTIAN KAD

1. Kehilangan kad matrik hendaklah dilaporkan SEGERA ke Unit Sirkulasi dan Unit Keselamatan UTM bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan kad tersebut.
2. Kad gantian akan dikenakan bayaran RM10 bagi keahlian luar.
3. Kad keahlian tidak boleh dipindahmilik.

KOLEKSI & LOKASI BAHAN

Jenis	Keterangan	Lokasi			Simbol/ No. Panggilan
		PSZ Johor Bahru	PSZ Kuala Lumpur	PRZS	
Buku Layanan Terbuka	<p>Buku dalam semua bidang disiplin dan disusun mengikut nombor panggilan.</p> <p>Buku-buku yang mempunyai simbol 'f' disusun di rak berlainan dari buku tanpa sebarang simbol. Sila lihat papan tanda dan pastikan anda merujuk rak yang betul.</p>	<p>Kelas A-QC Aras 4</p> <p>Kelas QD - Z Aras 5</p>	<p>Kelas A-Z Aras 3</p>	<p>Aras 4</p> <p>Buku yang mempunyai simbol 'f' disusun di rak yang sama dengan buku tanpa sebarang simbol.</p>	<p>Tidak mempunyai simbol pada no. panggilan kecuali simbol 'f' pada no. panggilan bagi buku yang bersaiz tinggi.</p>

Jenis	Keterangan	Lokasi			Simbol/No. Panggilan
		PSZ Johor Bahru	PSZ Kuala Lumpur	PRZS	
Bahan Rujukan	<p>Bahan rujukan am seperti di bawah disusun mengikut nombor panggilannya di aras 4 dan 5 yang berkaitan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Tahunan • Almanak • Perangkaan • Kamus • Atlas • Ensiklopedia • Kertas soalan peperiksaan UTM • Penerbitan kerajaan/separa kerajaan • Akta • Tesis UTM tahun 1984 dan sebelumnya (naskhah ke 2 – sebahagian judul sahaja) <p>• Bahan rujukan lain :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prospektus/kalendar UTM • Prospektus/kalendar IPT dalam negara • Prospektus/kalender IPT luar negara 	<p>Kelas A - QC aras 4 Kelas QD - Z aras 5</p> <p>Kelas A - Z aras 4</p>	<p>Kelas A-Z Aras 3</p> <p>Kelas A - Z Aras 4 (Bilik Kompaktus)</p>	<p>Kelas A-Z Aras 4</p>	<p>r,rf</p> <p>rd rm re ray wr</p> <p>wr raf</p> <p>rab rb</p>

Jenis	Keterangan	Lokasi		
		PSZ Johor Bahru	PSZ Kuala Lumpur	PRZS
Buku Layanan Terhad	Buku Layanan Terhad merupakan koleksi bahan tertentu yang dikenalpasti perlu digunakan oleh sejumlah besar pengguna tetapi mempunyai naskhah yang terhad. Sila dapatkan nombor panggilan dari LESTARI dan minta bahan di Kaunter Media.	Kaunter Media Aras 3	Kaunter Sirkulasi Aras 2	Kaunter Sirkulasi Aras 1
Sumber Maklumat	<p>Bentuk Cetak :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Indeks • Abstrak <p>Bentuk Elektronik : Boleh diakses dalam bentuk atas talian</p>	<p>Aras 2</p> <p>Atas Talian PC Internet Aras 3</p>	Aras 4	Atas Talian Aras 2

Jenis	Keterangan	Lokasi			Simbol/No. Panggilan
		PSZ Johor Bahru	PSZ Kuala Lumpur	PRZS	
Jurnal	Terbitan bersiri yang terbahagi kepada jurnal terkini dan kebelakangan.	Bentuk cetak di Aras 2 PSZ UTM JB Bentuk Elektronik boleh di atas secara atas talian			
Piawai & Paten	Koleksi piawai terdiri daripada British Standards (BS), Malaysian Standards (MS), International Organizations for Standardization (ISO) dan lain-lain.	Bentuk Cetak & Elektronik Kaunter Media Aras 3 & atas talian	Bentuk Cetak & Elektronik		PIA – Piawai PAT – Paten diikuti dengan no. piawai dan paten
Koleksi Media	Koleksi bahan media dan audio visual (kaset-video, filem, mikrofilm, cakera padat)	Kaunter Media Aras 3	Kaunter Sirkulasi Aras 2	Kaunter Media Aras 1	Menggunakan singkatan spt : MFL- Mikrofilem, KVD - Kasetvideo dan sebagainya

Jenis	Keterangan	Lokasi			Simbol/No. Panggilan
		PSZ Johor Bahru	PSZ Kuala Lumpur	PRZS	
Koleksi Tesis UTM	Hasil penulisan dan penyelidikan atau kajian yang dijalankan oleh pelajar atau staf Universiti Teknologi Malaysia di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah		Sila rujuk Perunding Sokongan Penyelidikan	Aras 3	No. Panggilan mengikut bidang dan diikuti dengan 'raf' MFL - mikrofilem
Peta/ Fotograf Udara	Peta Siri, Peta Malaysia, Peta Biasa dan Fotograf Udara Malaysia	Aras 3	Sila rujuk Perunding Sokongan Penyelidikan		
Lukisan Terukur	Lukisan Terukur (FKA/FKM)			Aras 3	
Keratan Akhbar	Koleksi digital keratan akhbar tempatan terpilih mengikut tajuk perkara tertentu dan berkaitan UTM	Sistem Pengurusan Perpustakaan http://library.utm.my/digital-resources-2/dms			

Jenis	Keterangan	Lokasi			Simbol/No. Panggilan
		PSZ Johor Bahru	PSZ Kuala Lumpur	PRZS	
Koleksi Kreatif	Merangkumi koleksi fiksyen Melayu, Inggeris, China dan Tamil	Aras 2	Aras 4	Aras 1 & Aras 4	No. Panggilan diikuti dengan perkataan 'kreatif'
Koleksi Pengurusan Lanjutan	Koleksi buku terpilih dan terkini dalam bidang pengurusan lanjutan	Bilik Rujukan Eksekutif Aras 3	Kelas A-Z Aras 3		
Koleksi Canselor	Koleksi buku sumbangan dari Canselor UTM, DYMM Raja Zarith Sofiah Ibni Almarhum Sultan Idris Shah			Galeri Raja Zarith Sofiah Aras 2	

SISTEM PENGKELASAN

Bahan di rak disusun mengikut Skim Pengelasan Library of Congress. Ini adalah untuk memudahkan pengguna dalam pencarian mereka. Skema klasifikasi yang digunakan adalah seperti di bawah:

Skim Pengelasan *Library of Congress*

Nombor	Kelas Perkara Nombor
A	General Works
B	Philosophy. Psychology.
C	Auxiliary Science of History
D	History : General & Old
E - F	History: America
G	Geography. Anthropology.
H	Social Sciences
J	Political Sciences
K	Law
L	Education
M	Music & Books on Music
N	Fine Arts
P	Language & Literature
Q	Science
R	Medicine
S	Agriculture
T	Technology
U	Military Science
V	Naval Science
Z	Bibliography .Library Science. Information Resources


SIMBOL KOLEKSI

Sebahagian dari bahan-bahan Perpustakaan disusun berasingan dari koleksi utama dan diwakili dengan simbol-simbol berikut:

Simbol	Koleksi
a	Bahan Koleksi Khas
b	Prospektus/Kalendar Universiti
d	Kamus/Istilah
e	Ensiklopedia
f	Buku folio berukuran lebih daripada 27sm tinggi
j	Jurnal
k	Buku kecil (berukuran kurang dari 15sm x 10sm)
m	Atlas
r	Bahan Rujukan
rp	Bahan Mahal
w	Bahan Penerbitan Kerajaan
x	Abstrak/Indeks
y	Kertas Soalan Peperiksaan
Kreatif	Koleksi Kreatif (Novel)

- ✓ PL5125 K359 1988 rd
- ✓ AE5 A53 1991 re
- ✓ HD9526 S65 1981 r
- ✓ Kreatif PS 355 A43 1999

- Simbol digunakan untuk membezakan jenis koleksi
- 2 format :
 - a. *Single*
 - a, r, f and x
 - b. *Kombinasi*
 - re, rd, ry, dll.



PERKHIDMATAN



PINJAMAN DAN PEMULANGAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Peminjaman bahan perpustakaan boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi atau dengan menggunakan sendiri Mesin Peminjaman Layan Diri. Pengguna akan diberi slip pinjaman bagi setiap transaksi. Pengguna adalah dinasihatkan agar memeriksa tarikh akhir pada slip atau melalui rekod pinjaman dalam akaun perpustakaan mereka bagi mengelakkan denda lewat memulangkan bahan perpustakaan.

